

06/05/1998

Pengerusi Lembaga Pengarah KTMB meninggal dunia

PETALING JAYA, Selasa - Pengerusi Lembaga Pengarah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Tan Sri Chelliah Selvarajah, meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur, awal pagi tadi selepas dua minggu dirawat di hospital itu.

Mendiang menghembuskan nafas terakhir pada jam 2.20 pagi tadi dan jenazahnya akan disempurnakan di krematorium Kampung Tunku, Petaling Jaya, pada jam 2.00 petang esok.

Selvarajah, 70, yang lumpuh selepas menghidap angin ahmar kira-kira setahun lalu, dimasukkan ke hospital itu selepas mengalami jangkitan paru-paru. Mendiang meninggalkan seorang anak perempuan, Anna Roshini, 24.

Mendiang yang dilahirkan di Kuantan pada 12 Ogos 1927, mendapat pendidikan awal di Clifford School Kuala Lipis, sebelum meneruskan pengajian ke King Edward VII College of Medicine, Singapura.

Beliau kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang perundangan di Middle Temple di London dan mula bergiat dalam bidang itu di sini untuk lebih 30 tahun setelah diterima sebagai peguam pada 1960.

Mendiang juga adalah sahabat karib kepada Pedana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri yang juga rakan sekelas ketika menuntut di Singapura.

(END)